

## **GARIS PANDUAN PELAPORAN INSIDEN FAKULTI PERGIGIAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

### **PENGENALAN**

Universiti Sains Islam Malaysia komited dalam memastikan keselamatan pesakit terjaga sepanjang tempoh rawatan. Amalan pelaporan insiden diamalkan di Universiti Sains Islam Malaysia dalam usaha meningkatkan kualiti perawatan dan mengelakkan kejadian tersebut berulang. Pelaporan insiden berkaitan keselamatan staf klinikal dan pelajar hendaklah menggunakan Borang Pelaporan Insiden USIM-FPg-BK 13/PIN.00 (untuk pelaporan selain needle prick boleh gunakan borang yang sama)

Insiden yang melibatkan kecederaan pesakit dan staf klinikal akibat tercucuk jarum/ peralatan tajam yang telah tercemar hendaklah dilaporkan juga kepada Sharp Injury Person Incharge (SIPIC) menggunakan Sharp Injury Surveillance Infection Control Unit bagi tujuan pemantauan dan penyiasatan lanjut.

### **KONSEP, PRINSIP DAN PROSES**

- Sistem pelaporan insiden di klinik pergigian ini bertujuan untuk menyiasat atau mengkaji mengapa kejadian itu berlaku, belajar dari kejadian itu, mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah kejadian serupa berlaku dan berkongsi pengajaran dengan orang lain.
- Melibatkan peningkatan sistem secara menyeluruh dan bukan tentang mencari individu yang akan dipersalahkan.
- Semua staf kesihatan haruslah mempunyai mentaliti pencegahan kesilapan daripada berlaku dengan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya dan mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan
- Sekiranya insiden berlaku, staf hendaklah melakukan aktiviti pembendungan dengan segera bagi mengurangkan kesan buruk kepada pesakit, membuat laporan, mengenalpasti punca masalah dan menambahbaik proses bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang

## **APAKAH 3 ELEMEN UTAMA DALAM PELAPORAN INSIDEN**

“LAPOR + BERTINDAK + BERKONGSI = PELAPORAN INSIDEN KESELAMATAN PESAKIT  
/STAF/PELAJAR”

### **LAPOR**

Apabila insiden keselamatan berlaku tanpa mengira kesan insiden kepada pesakit, staf atau pelajar (tiada kecederaan atau cedera / kematian )


### **BERTINDAK**

1. Mengambil langkah segera untuk memastikan keselamatan pesakit, staf dan pelajar
2. Menjalankan siasatan segera untuk mengenalpasti kelemahan sistem dan membuat aktiviti penambahbaikan agar insiden tidak berulang

### **BERKONGSI**

Pengajaran dari insiden yang telah berlaku, agar semua staf dan pelajar dapat mengambil langkah pencegahan yang sepatutnya untuk mengelakkan insiden berulang

## PROSES PENGURUSAN INSIDEN KESELAMATAN PESAKIT



### **CARA MEMBUAT PELAPORAN INSIDEN DI KLINIK PERGIGIAN**

1. Isikan Borang Pelaporan Insiden (USIM-FPg-BK 13/PIN.00) oleh staf, pelajar atau pensyarah.
2. Isi maklumat insiden yang diperlukan dengan tepat dan lengkap
3. Isi maklumat pelapor untuk urusan maklum balas dan pertanyaan lanjut  
(maklumat pelapor adalah rahsia )

### **TINDAKAN SELEPAS PELAPORAN INSIDEN**

1. Melaporkan kepada Penyelia Jururawat Perubatan Kanan.
2. Jururawat Perubatan Kanan akan membuat penyiasatan punca insiden yang berlaku.
3. Melaksanakan aktiviti penambahbaikan bagi mengelakkan insiden yang sama berulang
4. Menyediakan laporan penyiasatan dan aktiviti penambahbaikan serta melengkapkan Borang Tindakan Pembetulan (USIM-FPg-BK 16/PIN.00)

## DEFINISI INSIDEN

Bil	Insiden	Definisi
1	Kesilapan atau Insiden Semasa Prosedur Rawatan	Hasil/ kesan yang tidak diingini berlaku akibat melakukan sesuatu prosedur. Contohnya pesakit athma akibat tidak dapat buka mulut terlalu lama ketika membuat rawatan yang panjang contohnya extirpate Root Canal Treatment (RCT) dan tertelan bahan pergigian
2	Serangan Fizikal	Serangan ke atas pesakit atau pergaduhan melibatkan pesakit ( dengan staf, pesakit lain, atau individu lain ) ketika pesakit di klinik pergigian.
3	Kesalahan Pengurusan Spesimen	Insiden yang tidak disengajakan dan boleh dicegah melibatkan dentur pesakit: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salah label</li> <li>• Salah bekas dentur</li> <li>• Salah pesanan penyiasatan atau permintaan</li> </ul>
4	Kesilapan Preskripsi Ubat-Ubatan	Insiden yang boleh dicegah berlaku disebabkan oleh atau akibat daripada penggunaan ubat yang tidak sesuai atau kecederaan ke atas pesakit semasa ubatan yang digunakan dalam kawalan staf kesihatan. Ini termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesilapan preskripsi</li> <li>• Kesilapan semasa memberi ubat</li> <li>• Kesilapan masa pembekalan ubat</li> <li>• kesilapan dos</li> <li>• kesilapan cara/kaedah pemberian ubat</li> <li>• kesilapan penyediaan ubat</li> </ul>
5	Pesakit terjatuh	Pesakit terjatuh ke lantai sama ada menyebabkan kecederaan ke atas pesakit akibat jatuh atau tiada kecederaan berlaku
6	Tertinggal bendasing/ alat atau bahan pergigian semasa prosedur rawatan	Tertinggal objek asing secara tidak disengajakan dalam tubuh pesakit selepas prosedur pembedahan kecil mulut dan rawatan pergigian. Ini termasuk tertelan bahan pergigian atau gigi yang telah dicabut semasa rawatan.
7	Kesilapan mengenalpasti pesakit	Pesakit menerima prosedur pembedahan yang tidak sepatutnya. Contohnya pembedahan ke atas pesakit yang salah, salah cabut gigi.,
8	Kecederaan melibatkan staf dan pelajar pergigian semasa menguruskan klinik pergigian	Pengenalpastian pesakit yang salah tanpa disengajakan, kesilapan folder pesakit

### KATEGORI HASIL AKHIR INSIDEN (OUTCOME OF INCIDENT CATEGORY)

Hasil akhir pesakit	
<b>TIADA</b>	Pesakit atau staf tidak mengalami sebarang gejala, tiada kesan buruk berlaku
<b>RINGAN</b>	Pesakit atau staf mengalami simptom yang minima, kekurangan fungsian yang minima atau sederhana dan dalam tempoh yang sekejap, tidak memerlukan intervensi atau intervensi yang minima dan memanjangkan tempoh rawatan sehingga 72 jam
<b>SEDERHANA</b>	Pesakit adalah simtomatik, memerlukan intervensi (Prosedur operasi tambahan; rawatan terapi tambahan), peningkatan jangka masa tinggal (lebih dari 72 jam hingga 7 hari)
<b>KRITIKAL</b>	Pesakit adalah simtomatik, memerlukan intervensi menyelamatkan nyawa atau pembedahan / perubatan utama, peningkatan jangka masa tinggal (lebih dari 7 hari), memendekkan jangka hayat pesakit atau menyebabkan kerosakan atau kehilangan fungsi utama yang kekal atau jangka masa yang lama
<b>KEMATIAN</b>	Kematian disebabkan oleh kejadian itu atau berkait dengan kejadian itu
<b>TIDAK BOLEH DITENTUKAN</b>	Hasil akhir belum dapat ditentukan, tidak dapat dipastikan semasa laporan ini dibuat.

### Pengurusan Laporan Insiden Keselamatan Pesakit

PERANAN	CARTA ALIR	PENERANGAN PROSES	TEMPOH
Staf / Pelajar / Pensyarah	<pre> graph TD     MULA([MULA]) --&gt; B1[ ]     B1 --&gt; B2[ ]             </pre>	Insiden berlaku melibatkan pesakit/ staf dan pelajar  Ambil tindakan segera untuk mengurangkan risiko kepada pesakit/ staf dan pelajar  Maklum kepada Jururawat Perubatan Kanan	Serta merta
Staf / Pelajar / Pensyarah	<pre> graph TD     B1[ ] --&gt; B2[ ]             </pre>	Buat laporan insiden menggunakan Borang Pelaporan Insiden. (USIM-FPg-BK13/PIN.00) Laporan diterima kenalpasti keutamaan insiden	24 jam
Jururawat Perubatan Kanan	<pre> graph TD     B1[ ]             </pre>	Mengeluarkan “Laporan Insiden” kepada Ketua Jabatan Klinikal	48 jam
Jururawat Perubatan Kanan	<pre> graph TD     B1[ ] --&gt; B2[ ]             </pre>	Memulakan analisa & penyiasatan insiden  Membuat cadangan penambahbaikan	5 hari bekerja
Jururawat Perubatan Kanan	<pre> graph TD     B1[ ] --&gt; B2[ ]             </pre>	Implemen langkah penyelesaian  Menjalankan Pemantauan Insiden & Penilaian keberkesanan intervensi	2 minggu
Jururawat Perubatan Kanan	<pre> graph TD     B1[ ] --&gt; B2[ ]             </pre>	Mengisi Borang Tindakan Pembetulan Insiden Keselamatan (USIM-FPg-BK16/PIN.00) dan melaporkan tindakan pembetulan kepada penyelarar klinikal Perkongsian dengan staf bagi mengelakkan insiden berulang	4 minggu
Penyelaras Klinikal	<pre> graph TD     B1[ ]             </pre>	Melaporkan kepada Pengurusan Fakulti	6 minggu

## BORANG PELAPORAN INSIDEN

<b>BAHAGIAN A : DILENGKAPKAN OLEH PELAPOR</b>																											
<b>PENERANGAN INSIDEN</b>																											
1	<b>JABATAN / UNIT :</b>																										
2	<b>JENIS</b> ( Sila tandakan di tempat berkaitan)																										
		Kesilapan atau Insiden Semasa Prosedur Rawatan																									
		Serangan Fizikal																									
		Kesalahan Pengurusan Spesimen																									
		Kesilapan Preskripsi Ubat-ubatan																									
		Pesakit Terjatuh																									
		Tertinggal bendasing/ alat atau bahan pergigian semasa prosedur rawatan																									
		Kesilapan Rawatan atau Prosedur																									
		Kesilapan Mengenalpasti Pesakit																									
		Kecederaan melibatkan staf dan pelajar pergigian semasa menguruskan klinik pergigian																									
		Lain-lain (Sila Nyatakan)																									
3	<b>MAKLUMAT PESAKIT / STAF / PELAJAR :</b> <b>NAMA :</b> _____ <b>UMUR :</b> _____ <b>MRN :</b> _____ <b>KP/IC/PASPOT :</b> _____ <b>KAUM :</b> _____ <b>JANTINA :</b> _____																										
		<b>TARIKH INSIDEN :</b> _____ <b>MASA INSIDEN :</b> _____ <b>STATUS :</b> _____																									
4	<b>DIAGNOSIS</b>																										
5	<b>LOKASI INSIDEN</b>																										
6	<b>JENIS PESAKIT :</b> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="width: 15%;"></td><td style="padding: 5px;"><b>PESAKIT LUAR</b></td></tr> <tr><td></td><td style="padding: 5px;"><b>KLINIM PAKAR</b></td></tr> <tr><td></td><td style="padding: 5px;"><b>PELAJAR</b></td></tr> <tr><td></td><td style="padding: 5px;"><b>BILIK X-RAY</b></td></tr> </table>			<b>PESAKIT LUAR</b>		<b>KLINIM PAKAR</b>		<b>PELAJAR</b>		<b>BILIK X-RAY</b>	<b>UNIT :</b> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr><td style="width: 33%;"></td><td style="padding: 5px;"><b>PERIODONTIK</b></td><td style="width: 33%;"></td><td style="padding: 5px;"><b>KONSERVATIF 1</b></td></tr> <tr><td></td><td style="padding: 5px;"><b>PEDIATRIK</b></td><td></td><td style="padding: 5px;"><b>KONSERVATIF 2</b></td></tr> <tr><td></td><td style="padding: 5px;"><b>PEMBEDAHAH MULUT</b></td><td></td><td style="padding: 5px;"><b>ORTODONTIK 1</b></td></tr> <tr><td></td><td style="padding: 5px;"><b>PROSTODONTIK</b></td><td></td><td style="padding: 5px;"><b>ORTODONTIK 2</b></td></tr> </table>		<b>PERIODONTIK</b>		<b>KONSERVATIF 1</b>		<b>PEDIATRIK</b>		<b>KONSERVATIF 2</b>		<b>PEMBEDAHAH MULUT</b>		<b>ORTODONTIK 1</b>		<b>PROSTODONTIK</b>		<b>ORTODONTIK 2</b>
	<b>PESAKIT LUAR</b>																										
	<b>KLINIM PAKAR</b>																										
	<b>PELAJAR</b>																										
	<b>BILIK X-RAY</b>																										
	<b>PERIODONTIK</b>		<b>KONSERVATIF 1</b>																								
	<b>PEDIATRIK</b>		<b>KONSERVATIF 2</b>																								
	<b>PEMBEDAHAH MULUT</b>		<b>ORTODONTIK 1</b>																								
	<b>PROSTODONTIK</b>		<b>ORTODONTIK 2</b>																								
7	<b>PERINCIAN INSIDEN</b>																										